

Yayasan Keluarga Malaysia untuk kanak-kanak terkesan Covid-19

# 5,173 anak yatim piatu dibantu

Um - 24/10/2021 mlr: 3

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my


**KUCHING:** Seramai 5,173 anak yatim dan yatim piatu yang terkesan dengan pandemik Covid-19 akan dibantu menerusi Yayasan Keluarga Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, Yayasan Keluarga Malaysia merupakan institusi yang akan membantu anak-anak Keluarga Malaysia dalam memperoleh sokongan terutamanya dari aspek pendidikan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun.

Katanya, yayasan ini merupakan manifestasi kasih sayang seluruh Keluarga Malaysia, yang dizahirkan bersama untuk anak-anak yang terkesan pandemik.

“Bayangkan, betapa besarnya tanggungjawab yang digalas mereka. Yang hilang bukan sahaja ibu bapa, bahkan waktu-waktu bahagia, membesar sebagai kanak-kanak biasa.

“Maka, dengan rasa rendah diri, saya ingin menyeru seluruh Keluarga Malaysia, untuk



**ISMAIL Sabri Yaakob mengadakan lawatan ke Sarawak, semalam.**

berkongsi kasih sayang dengan anak-anak ini agar mereka dapat menikmati kehidupan seperti rakan-rakan seusia mereka,” katanya pada pelancaran di Pusat Konvensyen Borneo di sini, semalam.

Menurut Ismail Sabri, yayasan tersebut juga akan memberi perlindungan kepada anak-anak Keluarga Malaysia yang lain, yang turut memerlukan sokongan se-

umpamanya.

“Inilah maksud keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam Keluarga Malaysia.

“Saya menyeru seluruh Keluarga Malaysia, bersama membantu generasi ini. Harapan saya, dengan adanya Yayasan Keluarga Malaysia, tidak ada lagi anak Keluarga Malaysia yang terpaksa melalui penderitaan bersendirian.

“Justeru, tinggi harapan saya agar seluruh Keluarga Malaysia kekal bersama dengan mengetepikan perbezaan dan meraikan kebersamaan sebagai sebuah keluarga besar Malaysia,” ujarnya.

Pada masa sama, Ismail berharap pelbagai program dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan di bawah payung Keluarga Malaysia akan turut disokong oleh semua kerajaan negeri.

“Ini termasuklah Rumah Ikram Keluarga Malaysia, Skuad Keluarga Malaysia, Pakej Peranti Keluarga Malaysia, Pakej Penjagaan Covid-19 Keluarga Malaysia, Keluarga Malaysia Siaga Bencana, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia dan Residensi Rumah Keluarga Malaysia.

“Inilah program dan inisiatif Keluarga Malaysia, di mana setiap kementerian akan memperkenalkan sekurang-kurangnya satu program dan inisiatif yang bermatlamat membantu mengurangkan kesan ekonomi yang ditanggung rakyat. Saya berharap ia turut disokong oleh kerajaan negeri,” katanya.